A

KOLEKTRA RECREATION SDN BHD

lwn.

PEGAWAI PENERIMA MALAYSIA & YANG LAIN

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
HAS ZANAH MEHAT PK
[GUAMAN SIVIL NO: D-22-1080-2008]
28 MEI 2011

C

UNDANG-UNDANG SYARIKAT: *Pelikuidasi - Tugas - Kegagalan menjalankan tugas - Dakwaan - Sama ada dakwaan dibuktikan - Sama ada pelikuidasi bertindak secara mala fide - Sama ada mahkamah wajar campur tangan - Sama ada pelantikan pelikuidasi wajar dibatalkan oleh mahkamah*

D

Tindakan ini difailkan oleh plaintif yang tidak berpuashati dengan cara dan tindakan defendan pertama sebagai pelikuidasi dalam menguruskan syarikat dan mengendalikan pelantikan defendan kedua dan ketiga sebagai pelikuidasi menggantikan defendan pertama. Plaintif mendakwa, antara lain, bahawa: (i) ia tidak dimaklumkan mengenai mesyuarat pertama pemiutang; (ii) plaintif telah membantah pelantikan defendan kedua dan ketiga tetapi tidak diendahkan oleh defendan pertama; (iii) pelantikan defendan kedua dan ketiga telah dimanipulasikan menyebabkan kerugian dan prejudis kepada plaintif dan pemiutang lain; dan (iv) defendan pertama telah menggunakan dokumen palsu untuk menafikan bantahan plaintif. Plaintif dengan itu memohon campurtangan mahkamah untuk menghalang penyalahgunaan proses mahkamah.

E

F

Diputuskan (menolak tuntutan plaintif dalam perenggan 41(e)-(k) dengan kos):

G

(1) Berdasarkan keterangan, notis mesyuarat am telah dihantar kepada alamat terakhir plaintif yang terdapat dalam rekod defendan pertama berdasarkan sijil bukti hutang yang difailkan dengan pejabat defendan pertama. Oleh itu, dakwaan plaintif bahawa notis untuk hadir mesyuarat sengaja tidak dihantar adalah tidak benar dan tidak ada niat jahat atau *mala fide* oleh defendan pertama telah dibuktikan oleh plaintif. Sekiranya notis tidak diterima sekali pun, prosiding atau resolusi mesyuarat adalah sah kecuali diputuskan sebaliknya oleh mahkamah berdasarkan k. 121 Companies (Winding-up) Rules 1972. (perenggan 26 & 27)

H

I

(2) SP1 tidak mengundi untuk menyokong pelantikan defendan kedua dan ketiga atau beliau telah berkecuali. Perkataan yang digunakan oleh SD2 sebagai sebulat suara adalah tidak tepat dalam kes ini kerana terdapat pemiutang yang tidak menyokong. Walau

bagaimanapun ini tidak menjadikan mesyuarat tersebut tidak sah kerana keputusan majoriti sahaja yang diperlukan berdasarkan peruntukan k. 119. Dengan itu, prosiding dan mesyuarat adalah sah walaupun notis yang dihantar oleh defendan pertama tidak diterima oleh plaintif dan plaintif tidak menyokong cadangan pelantikan defendan kedua dan ketiga sebagai pelikuidasi menggantikan defendan pertama. (perenggan 33 & 34)

(3) Berdasarkan fakta kes, tidak ada dokumen palsu digunakan oleh defendan pertama dan dengan itu keputusan mahkamah dalam membenarkan pelantikan defendan kedua dan ketiga sebagai pelikuidasi syarikat menggantikan defendan pertama adalah teratur. Dalam keadaan tersebut, mahkamah tidak terdorong untuk membatalkan perintah tersebut. (perenggan 37)

(4) Selanjutnya, mahkamah tidak wajar campur tangan dengan melantik jawatankuasa pemeriksa atau melantik pelikuidasi yang lain kerana plaintif telah gagal membawa sebarang keterangan bahawa defendan kedua dan ketiga telah menyalahgunakan kuasa dalam mentadbir syarikat serta mempunyai niat jahat untuk menggagalkan tuntutan syarikat. (perenggan 42)

Perundangan yang dirujuk:
Companies Act 1965, s. 227(2)
Companies (Winding-Up) Rules 1972, rr. 119, 121

Bagi pihak plaintif - KY Chan; T/n KL Lim & Lee
Bagi pihak defendan 1 - Nik Shahril Nik Ab Rahman (Mohd Azmi Marshuk bersamanya); Peguam Persekutuan
Bagi pihak defendan 2 & 3 - Ringo Low (CP Chong bersamanya); T/n Ringo Low & Assoc

Dilaporkan oleh S Barathi

PENGHAKIMAN

Has Zanah Mehat PK:

Latar Belakang Fakta

[1] Syarikat Kemajuan Bukit Segar Sdn Bhd (Syarikat) adalah merupakan syarikat yang menjalankan perniagaan pemajuan hartanah untuk komersial dan perumahan ("projek pembangunan tersebut") telah digulungkan atas petisyen plaintif pada 6 Mac 2007 dan defendan pertama telah dilantik sebagai Pelikuidasi Sementara (Provisional Liquidator) Syarikat.

[2] Atas permohonan pemiutang-pemiutang, defendan pertama telah memanggil pemiutang-pemiutang untuk Mesyuarat Am pemiutang bagi mendapatkan keputusan sama ada defendan pertama kekal menjadi Pelikuidasi Syarikat atau Pelikuidasi baru dilantik.

[3] Berdasarkan keputusan atau resolusi yang dibuat dalam mesyuarat tersebut defendan pertama telah memohon kepada mahkamah di bawah s. 227 Akta 125 supaya defendan ke-2 dan ke-3 dilantik sebagai pelikuidasi syarikat bagi menggantikan defendan pertama. Permohonan tersebut telah dibenarkan pada 13 Mei 2008.

[4] Plaintif telah memfailkan tindakan ini terhadap ketiga-tiga defendan kerana tidak berpuas hati dengan cara dan tindakan defendan pertama sebagai pelikuidasi dalam menguruskan syarikat dan mengendalikan pelantikan defendan Ke-2 dan Ke-3 sebagai pelikuidasi menggantikan defendan pertama.

[5] Saya telah menolak tuntutan plaintif dalam perenggan 41(e)-(k) penyata tuntutan untuk:

(e) perintah bahawa Mesyuarat Am Pemiutang yang diadakan pada 29 Februari 2008 tidak sah dan segala resolusi yang diluluskan dalam mesyuarat tersebut dibatalkan;

(f) Perintah bertarikh 13 Mei 2008 yang melantik defendan ke-2 dan defendan ke-3 sebagai pelikuidasi syarikat tersebut diketepikan atas alasan mahkamah telah dimanipulasikan (misled) dengan kegagalan defendan pertama membentangkan fakta-fakta sebenar disebalik tabir pelantikan defendan ke-2 dan defendan ke-3;

(g) Defendan pertama mengadakan mesyuarat pemiutang baru dalam masa 30 hari dari tarikh perintah ini;

(h) secara alternatif, defendan pertama dan/atau defendan ke-2 mengadakan mesyuarat pemiutang dalam masa 30 hari bagi tujuan memilih jawatankuasa pemeriksa (committee of inspection) bagi tujuan menyelia tugas defendan pertama dan/atau defendan ke-2;

(i) gantirugi nominal dan teladan;

(j) kos tindakan ini;

(k) Lain-lain relif dan perintah yang difikirkan sesuai dan adil.

[6] Permohonan-permohonan untuk injunksi seperti yang diplidkan dalam penyata tuntutan di perenggan 41(a)-(d) tidak lagi relevan dalam prosiding ini kerana telah diputuskan oleh hakim terdahulu yang telah menolak permohonan tersebut.

Kes Plaintif

[7] Plaintif memplidkan bahawa defendan pertama dalam pengendalian fail syarikat telah cuai dan secara *mala fide* melakukan perkara-perkara yang butirannya seperti berikut:

(i) Plaintif tidak dimaklumkan oleh defendan pertama mengenai mesyuarat pertama pemiutang yang diadakan pada 29 February 2008. Plaintif hanya dimaklumkan oleh salah seorang pemiutang yang lain.

(ii) Dalam mesyuarat tersebut plaintif telah membantah terhadap pelantikan defendan ke-2 dan ke-3 tetapi defendan pertama masih meneruskan cadangan untuk melantik defendan ke-2 dan ke-3 melalui saman dalam kamar yang difailkan pada 13 May 2008.

(iii) Pelantikan defendan ke-2 dan ke-3 telah dimanipulasikan oleh defendan pertama melalui pemiutang-pemiutang terpilih untuk mengawal syarikat yang menyebabkan kerugian dan prejudis terhadap plaintif dan pemiutang yang lain.

(iv) Defendan pertama telah menggunakan dokumen palsu untuk menafikan bantahan plaintif.

(v) Oleh itu campurtangan mahkamah adalah perlu untuk menghalang penyalahgunaan proses mahkamah dan ketidakadilan terhadap pemiutang termasuk plaintif serta menghalang defendan ke-2 dan ke-3 daripada menjadi pelikuidasi syarikat dengan mengenepikan perintah mahkamah yang melantik mereka dan menubuhkan satu jawatankuasa penyiasatan untuk syarikat.

Kes Defendan Pertama, Kedua Dan Ketiga

[8] Pembelaan defendan-defendan ialah:

(i) Plaintif merupakan pemiutang yang tidak bercagar (unsecured creditor) untuk jumlah tuntutan sebanyak RM1,555,088.27. Oleh itu, pada setiap masa material, plaintif sebagai pemiutang tidak bercagar tidak mempunyai prioriti dalam senarai pemiutang-pemiutang.

(ii) Defendan pertama telah dilantik sebagai pelikuidasi sementara kepada syarikat menurut perintah penggulungan bertarikh 6 Mac 2007 dan pelantikan tersebut adalah sah.

(iii) Defendan ke-2 dan ke-3 telah menerima undangan untuk menjalankan dan menyempurnakan proses pelikuidasi Syarikat. Syarikat pada masa itu mempunyai pemiutang bercagar iaitu Insas

Credit & Leasing Sdn Bhd ("Insas") dimana Insas telah diberi cagaran debenture oleh syarikat untuk pinjaman bagi tujuan projek pembangunan tersebut.

(iv) Pelantikan defendan ke-2 dan ke-3 adalah sah kerana telah disempurnakan dan diterima melalui perintah penggulungan pada 13 Mei 2008. Pelantikan defendan ke-2 dan ke-3 disokong oleh pemiutang-pemiutang yang telah hadir pada mesyuarat bertarikh 29 Februari 2008 dan mengundi menyokong pelantikan defendan ke-2 dan ke-3.

(v) Plaintif telah hadir dan telah mengambil bahagian dalam mesyuarat tersebut, tetapi plaintif enggan melaksanakan haknya untuk membuat pengundian.

(vi) Sehingga ke hari ini, defendan ke-2 dan ke-3 tidak pernah menerima sebarang permohonan untuk mengadakan mesyuarat untuk melantik mana-mana pelikuidasi baru, mahupun menerima cadangan pelikuidasi baru.

(vii) Defendan ke-2 dan ke-3 juga tidak menerima sebarang bantahan daripada mana-mana pemiutang yang lain.

Isu-isu Untuk Dibicarakan

[9] Isu-isu yang dipersetujui oleh kedua pihak untuk dibicarakan ialah:

(i) Sama ada pelantikan defendan ke-2 dan defendan ke-3 sebagai pelikuidasi adalah satu penyelewengan proses pemilihan;

(ii) Sama ada pelantikan defendan ke-2 dan ke-3 menerima bantahan selain daripada plaintif;

(iii) Sama ada terdapat bantahan oleh plaintif yang tidak diambilkira oleh defendan pertama selaku pelikuidasi syarikat semasa mesyuarat pemiutang-pemiutang pada 29 Februari 2008;

(iv) Sama ada defendan pertama telahpun melaksanakan tugasnya apabila surat pemberitahu mesyuarat telah dihantar ke alamat akhir sepertimana yang dinyatakan dalam borang bukti am yang telah difailkan oleh plaintif;

(v) Sama ada dengan kehadiran plaintif dan tindakan plaintif untuk menanya soalan, plaintif telah mengambil bahagian dalam mesyuarat tersebut;

(vi) Sama ada plaintif telah merekodkan bantahan mereka atau hanya memilih untuk tidak mengundi untuk perlantikan tersebut;

(vii) Sama ada terdapat alasan-alasan kukuh untuk mengenepikan perintah Mahkamah Tinggi bertarikh 13 Mei 2008 dimana defendan ke-2 dan defendan ke-3 telah dilantik sebagai pelikuidasi sebagai menggantikan defendan pertama;

(viii) Sama ada terdapat sebarang bukti yang kukuh dikemukakan untuk menunjukkan bahawa defendan ke-2 dan ke-3 telah bertindak dengan salah ataupun telah memprejudiskan proses penggulungan tersebut;

(ix) Sama ada perlantikan defendan ke-2 dan defendan ke-3 adalah satu konspirasi oleh segelintir pemiutang untuk menyeleweng proses perlantikan pelikuidasi; dan

(x) Sama ada satu perlantikan pelikuidasi baru perlu dilakukan sekali lagi dan/atau jawatankuasa pemeriksa perlu ditubuhkan bagi syarikat setelah mengambil kira tahap penggulungan tersebut.

Isu

[10] Terdapat tiga isu yang perlu dipertimbangkan dalam kes ini seperti berilkut:

(i) Isu-isu yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak dalam perenggan (i), (ii), (iii), (iv), (v), (vi), (viii), (ix) saya rangkumkan menjadi satu isu iaitu sama ada pelantikan defendan ke-2 dan defendan ke-3 sebagai pelikuidasi adalah satu konspirasi segelintir pemiutang dan satu penyelewengan proses pemilihan oleh defendan pertama;

(ii) Sama ada perintah mahkamah bertarikh 13 Mei 2008 dalam meluluskan pelantikan defendan ke-2 dan ke-3 tidak sah kerana maklumat yang diikrarkan oleh defendan pertama tidak telus dan tidak benar;

(iii) Sama ada wajar dan adil dalam kes ini untuk mahkamah campur tangan dengan membatalkan pelantikan defendan ke-2 dan ke-3.

Dapatan Mahkamah

Isu (i)

Sama ada pelantikan defendan ke-2 dan defendan ke-3 sebagai pelikuidasi adalah satu konspirasi segelintir pemiutang dan satu penyelewengan proses pemilihan oleh defendan pertama;

[11] Bagi menimbangkan isu (i) keesahan surat-surat yang diterima dan notis yang dikeluarkan oleh defendan pertama serta peruntukan undang-undang berkaitan kuasa dan kewajipan defendan pertama sebagai pelikuidasi sementara perlu dibincangkan.

Surat-Surat Dan Notis Mesyuarat Am

[12] Latar belakang bagaimana dan mengapa plaintif membawa tindakan ini terhadap defendan-defendan dapat dilihat daripada keterangan SP1 yang merupakan pengurus besar plaintif. SP1 menyatakan bahawa plaintif telah memfailkan tindakan untuk menggulungkan syarikat untuk mendapatkan kembali wang yang telah dilabur dalam syarikat. Permohonan plaintif telah dibenarkan dan syarikat telah digulungkan pada 6 Mac 2007.

[13] Defendan pertama merupakan Pegawai Penerima Malaysia yang berdasarkan peruntukan undang-undang menjadi pelikuidasi jika tidak terdapat pelikuidasi yang diluluskan (approved liquidator) dilantik di bawah s. 227 Akta Syarikat 1965 (Akta 125). Plaintif telah memfailkan bukti hutang sebanyak RM1,555,088.27 di jabatan defendan pertama. Plaintif mempunyai kepentingan dan berminat mengetahui perkembangan proses likuidasi Syarikat. Oleh itu plaintif telah mengarahkan peguamnya Tetuan KL Lim untuk menulis kepada defendan pertama melalui surat bertarikh 29 Jun 2007 (P1) selepas tiga bulan setelah syarikat digulungkan. Surat berkenaan seperti berikut

Your Ref: LKl/0309/BKS-WUP/5-06 Date: 29/6/07
PENOLONG PENGARAH INSOLVENSI
Jabatan Insolvensi Negeri, Wilayah Persekutuan
Tingkat 7 & 8 Kompleks Pertama
Jalan Tuanku Abdul Rahman
50450 Kuala Lumpur.

Tuan/Puan,

Per: Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur

Penggulungan Syarikt: D5-28-319-2006

Kolektra Recreation Sdn Bhd - vs- Kemajuan Bukit Segar Sdn Bhd.

Kami merujuk kepada perkara diatas dan kepada perbualan melalui telefon diantara Encik Adrian kami dan Cik Natrah pada hari yang sama.

Kami ingin memohon kepada pihak tuan agar satu Mesyuarat Am diantara pihak Jabatan Insolvensi dan Pemiutang-Pemiutang diadakan bagi membincangkan langkah-langkah seterusnya yang boleh diambil dalam kes ini.

Kerjasama pihak tuan adalah amat dihargai.

Sekian. Terima kasih.

Yang benar

Tetuan K.L. Lim & Lee

c.c. 1) MESEBA SDN BHD
Lot 160 Jalan Ibu Kota Kanan, BY fAX/POST 03-40410395
Medan Idaman, 53100 Kuala Lumpur

2) KOLEKTRA RECREATION SDN BHD
160 Bangunan Tan Lai Kim,
Jalan Kelang Lama BY HAND
58000 Kuala Lumpur

[14] SP1 mendakwa tidak menerima apa-apa surat jawapan daripada defendan pertama terhadap permohonan tersebut tetapi telah terlihat iklan dalam surat khabar bahawa Receivers and Managers (R&M) telah dilantik pada 20 Jun 2007. Pelantikan tersebut telah dibuat oleh Insas Credit and Leasing Sdn Bhd (Insas). Plaintif sekali lagi menulis kepada defendan pertama melalui P2 tetapi masih tiada jawapan. Peguam plaintif juga menulis kepada defendan pertama melalui surat bertarikh 2 November 2007 (P3) membantah pelantikan R&M. Akhirnya melalui surat bertarikh 26 Disember 2007(P4) daripada Ibu pejabat Jabatan Insolvensi Malaysia Putrajaya kepada cawangan Wilayah Persekutuan memaklumkan bahawa pelantikan R&M tersebut adalah tidak sah.

[15] Plaintif merasa lega apabila menerima surat tersebut tetapi selepas itu kecewa sekali lagi kerana tiada perkembangan lanjut. Plaintif memberi keterangan bahawa mereka tidak menerima notis mesyuarat am pemiutang walaupun mereka telah menulis melalui P1.

[16] Versi defendan-defendan pula adalah melalui SD2 iaitu Cik Natrah bt Shahruddin yang mengemukakan penyata saksi dalam kandungan 45. Beliau ialah Pegawai Insolvensi yang mengendalikan fail syarikat bermula 15 April 2007. Beliau menjelaskan latarbelakang bagaimana urusan pelantikan defendan ke-2 dan ke-3 dilakukan. Berdasarkan maklumat daripada pegawai terdahulu yang mengendalikan fail ini SD2 mendapati terdapat permohonan untuk melantik pelikuidasi swasta (private liquidator) dalam dua surat tanpa tarikh (P7). Satu surat daripada pemiutang-pemiutang yang terdiri daripada LNK Builders Sdn Bhd, Brilliant Version Sdn Bhd, A&A Architect Sdn Bhd, Techjaya Builders Sdn Bhd, ICL Associates Sdn Bhd, Lim Chin Electrical, Arkimajubina dan Pang Nyok Leow dan satu lagi daripada L&L Construction dan Pembinaan Gemilang Jaya (pemiutang-pemiutang). Kandungan surat yang diterima oleh pejabat defendan pertama seperti berikut:

To:

The provisional Liquidator
Kemajuan Bukit Segar SdnBhd (349704-V)
c/o The OfficialReceiver
Federal Territory Malaysia
Tingkat 7 & 8, Kompleks Pertama
Jalan Tunku Abdul Rahman
50100 Kuala Lumpur

Dear Sir,

RE: KEMAJUAN BUKIT SEGAR SDN BHD (In Liquidation)
CONVENING OF CREDITORS MEETING

The above matter refers.

In connection with the liquidation exercise for the said Company, we the undersigned being the creditors of Kemajuan Bukit Segar Sdn Bhd (In Liquidation) hereby request that you call for the First Meeting of the Creditors as we would like to nominate a private liquidator to conduct the whole liquidation exercise of Kemajuan Bukit Segar Sdn Bhd (In Liquidation).

Yours truly

Name of creditor & Address	Amount Due (RM)	Signature
1) LNK Builders Sdn Bhd No. 45-10 The Boulevard Mid Valley City Lingkaran Syed Putra, 59200 K.L	7,661,299.00	t.t
2) Brilliant Version Sdn Bh Wisma G-2 Lot 100 & 101 Jalan Mahkamah, 50200 KL	2,224,923.00	t.t
3) A&A Archictect Sdn Bhd B-7-8 Block B Megan Avenue 1, No. 189 Jalan Tun Razak 50400 K.L	451,550.00	t.t
4) TechJaya Builders Sdn Bh Menara A Pandankapital Lot 10-AAB Persiaran MPAJ Jalan Pandan Utama Pandan Indah 55100 Kuala Lumpur	195,352.00	t.t
5) ICL Associastes Sdn Bhd No. 5C Jalan Pandan 3/5 Pandan Jaya, Cheras, 55100 Kuala Lumpur	45,321.75	t.t

6) Lim Chin Electrical No. 75 Jalan 2/115C Taman Kuchai Jaya, Off Jalan Kuchai Lama, 58200 K. Lumpur	439,755.00	t.t	A
7) Arkimajubina C3 Khoo Lin Court, 151, Jalan Pasar, 55100 K.Lumpur	40,000.00	t.t	B
8) Pang Nyok Leow No. 26 Jalan 3/100A Taman Gemilang, Cheras 56100 Kuala Lumpur	15,000.00	t.t	C

[17] SD2 telah mengambil tindakan lanjut melalui surat bertarikh 17 Januari 2007 (P8) dengan meminta pemiutang-pemiutang memfailkan bukti hutang apabila mendapati dalam rekod bahawa pemiutang-pemiutang yang memohon untuk melantik pelikuidasi tanpa mereka memfailkan bukti hutang. Kandungan surat seperti berikut: D

Tuan-tuan

DALAM PERKARA MTKL PENGGULUNGAN SYARIKAT
NO: D5-28-319-06
BER: KEMAJUAN BUKIT SEGAR SDN BHD E
PER: PERMOHONAN PERLANTIKAN PELIKUIDASI LUAR

Dengan segala hormatnya perkara di atas dan surat tuan yang kami terima pada 16.01.2008 adalah dirujuk.

2. Untuk makluman tuan, syarikat di atas telah digulungkan pada F
06.03.2007 oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur diatas permohonan Kolektra Recreation Sdn Bhd dan Pegawai Penerima Malaysia telah dilantik sebagai Pelikuidasi Syarikat pada hari yang sama.

3. Merujuk surat tuan-tuan yang tidak bertarikh, telah memohon G
untuk melantik Pelikuidasi Luar menggantikan Pegawai Penerima sebagai Pelikuidasi syarikat di atas. Oleh yang demikian, sila tuan-tuan kemukakan nama, alamat Pelikuidasi yang dicadangkan berserta lesen di bawah Akta Syarikat 1965 dan salinan "Consent To Act" daripada Pelikuidasi yang dicadangkan berkenaan sebelum satu Mesyuarat Am berkenaan dengan perkara di atas dapat diadakan.

4. Untuk makluman tuan-tuan juga, setakat hari ini, saya tiada H
menerima Borang Bukti Hutang dari pihak tuan-tuan mengundi di dalam Mesyuarat Am tersebut nanti.

5. Kerjasama dan tindakan awal amat kami hargai.

Sekian, terima kasih. I

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

t.t.
(NATRAH SHAHRUDDIN)
b.p. Pengarah Insolvensi Negeri
Cawangan Wilayah Persekutuan
b.p. Ketua Pengarah Insolvensi

[18] SP1 mendakwa surat P8 sengaja diwujudkan oleh defendan pertama kerana tarikh surat tersebut ialah pada 17 Januari 2007 iaitu sebelum syarikat digulungkan dan nombor fail yang berbeza berbanding dengan surat-surat yang lain berkaitan syarikat.

[19] SD2 mengakui terdapat kesilapan tarikh pada notis dan nombor fail. Kesilapan ini berlaku jelas beliau kerana surat itu dibuat secara "cut and paste". Penjelasan ini juga konsisten dengan tarikh penerimaan surat pemiutang-pemiutang oleh defendan pertama iaitu pada 16 Januari 2008 yang dirujuk dalam perenggan satu P8. Oleh itu berdasarkan kedua-dua alasan ini mahkamah ini menerima penjelasan SD2 bahawa surat itu sebenarnya dikeluarkan pada 17 Januari 2008. Dakwaan plaintif bahawa surat tersebut sengaja diwujudkan telah dapat disangkal.

[20] Plaintif juga mendakwa bahawa surat P7 (tanpa tarikh) yang meminta mesyuarat diadakan sengaja diwujudkan oleh defendan pertama oleh sebab itu surat tersebut tidak bertarikh. Saya berpendapat dengan melihat kepada P7 yang ditandatangani oleh pemiutang-pemiutang yang berbeza adalah tidak munasabah bahawa defendan pertama telah mewujudkan dokumen tersebut secara sendiri atau berpakat dengan pemiutang-pemiutang yang lain hanya kerana dokumen tersebut tidak bertarikh. Defendan tidak menunjukkan apa keuntungan yang diperolehi oleh pemiutang-pemiutang tersebut berbanding dengan plaintif untuk berpakat dengan defendan pertama melantik pelikuidasi baru. Oleh itu, mahkamah menerima dokumen yang memohon kepada defendan pertama untuk mengadakan mesyuarat dan melantik pelikuidasi baru sebagai satu dokumen yang sahih. Berdasarkan itu tidak ada sebab bagi mahkamah mencurigainya. Kesilapan dalam meletak tarikh di P8 oleh defendan pertama dan ketinggalan meletakkan tarikh di P7 oleh pemiutang-pemiutang tidak memberi kesan kepada keesahan terhadap tindakan-tindakan defendan pertama sebagai pelikuidasi dalam mengurus syarikat termasuk mengadakan mesyuarat am pemiutang kerana ia hanya merupakan satu 'human error' yang tidak memprejudiskan mana-mana pihak.

[21] Berdasarkan permohonan untuk mengadakan mesyuarat melalui P7, SD2 telah mengeluarkan notis mesyuarat am bertarikah 18 Februari 2008 (D11) kepada pemiutang-pemiutang yang telah memfailkan bukti hutang dan penyumbang syarikat untuk menghadiri satu mesyuarat di jabatannya pada 29 Februari 2008 jam 3 petang (notis tersebut). Kandungan notis tersebut seperti berikut:

NOTIS MESYUARAT AM

NOTIS ADALAH DENGAN INI DIBERITAHU bahawa pihak tuan dikehendaki hadir pada:

Tarikh : 29.2.2008 (JUMAAT)

Masa : 3.00 petang

Tempat : Jabatan Insolvensi Negeri
Cawangan Wilayah Persekutuan
Tingkat 7 & 8, Kompleks Pertama
JalanTuanku Abdul Rahman
Kuala Lumpur

Agenda : Untuk membincangkan pelantikan Pelikuidasi

Bertarikh : 18 FEB 2008

t.t.

(NATRAH BT SHAHRUDDIN)
b.p. Pengarah Insolvensi Negeri
Cawangan Wilayah Persekutuan
b.p. Ketua Pengarah Insolvensi Malaysia

NOTA: (KEHADIRAN DIWAJIBKAN) sekiranya mempunyai sebarang kemusykilan atau memerlukan penerangan lanjut, sila hubungi penandatangan di nombor 03-26975201-05 sambungan 132

JIM(WP)116/2007/D.

[22] Notis tersebut juga dihantar kepada plaintif seperti di alamat dalam borang bukti hutang bertarikh 11 Mei 2007 (D10) yang difailkan oleh plaintif di Pejabat Defendan Pertama. Notis tersebut dihantar melalui pos dan dialamatkan kepada penama yang terdapat dalam borang "Proof Of Debt General Form" iaitu:

Choong Chee Yoong
Bangunan Tan Lai Kim
160 Jalan Kelang Lama
Kuala Lumpur

[23] Berdasarkan keterangan SP1, Choong Chee Yoong adalah pengurus besar plaintif yang merupakan orang diberi kuasa bagi pihak plaintif untuk failkan bukti hutang dan hadir dalam mesyuarat seperti yang terkandung dalam D10 tersebut. Choong Chee Yoong telah meletak jawatan pada 23 Ogos 2007 dan telah diganti oleh SP1.

[24] Adalah kes plaintif bahawa tiada notis yang sah dihantar dan diterima oleh plaintif. SP1 mendakwa beliau mendapat maklumat mengenai mesyuarat tersebut pada 25 Februari 2008 kurang daripada tujuh hari dari tarikh mesyuarat melalui faks daripada Meseba Sdn Bhd (Meseba) yang merupakan rakan usaha sama plaintif (joint venture Partner). SP1 hanya mendapat salinan muka surat pertama D11.

[25] Maklumat dalam rekod defendan ialah Choong Chee Yoong dan alamatnya seperti yang dinyatakan dalam D10 tersebut. Walaubagaimanapun berdasarkan keterangan SD2, surat tersebut telah dikembalikan dengan tanda "telah berpindah". Tidak ada keterangan daripada defendan pertama bahawa ada cubaan untuk mengesan plaintif apabila surat tersebut dikembalikan. Adalah didapati walaupun surat tersebut dikembalikan kepada defendan pertama tetapi wakil plaintif iaitu En Steven Fu (SP1) telah hadir dalam mesyuarat am yang dipanggil oleh defendan pertama.

[26] Berdasarkan keterangan-keterangan di atas, mahkamah ini mendapati bahawa notis mesyuarat am tersebut telah dihantar kepada alamat terakhir plaintif yang terdapat dalam rekod defendan pertama berdasarkan sijil bukti hutang yang difailkan dengan pejabat defendan pertama. Oleh itu dakwaan plaintif bahawa notis untuk hadir mesyuarat sengaja tidak dihantar adalah tidak benar. Oleh itu, tidak ada niat jahat atau *mala fide* oleh defendan pertama, telah dibuktikan oleh plaintif.

[27] Sekiranya notis tidak diterima sekalipun, prosiding atau resolusi mesyuarat adalah sah kecuali diputuskan sebaliknya oleh mahkamah berdasarkan k. 121 di bawah the Companies (Winding-Up) Rules 1972 (P.U.A 289/1972) yang seperti berikut:

> 121. Non-reception of notice by a creditor.
>
> Where a meeting of creditors or contributories is summoned by notice, the proceedings and resolutions at the meeting shall unless the Court otherwise orders be valid, notwithstanding that some creditors or contributories may not have received the notice sent to them.

Mesyuarat Am

[28] Isu mengenai keesahan surat dan notis telahpun dibincangkan dan isu berikutnya ialah, sama ada mesyuarat am telah dijalankan secara teratur. Atas perkara-perkara yang berlaku dan cara defendan pertama mengendalikan urusan syarikat dan pelantikan defendan-defendan ke-2

dan ke-3 yang dinyatakan oleh SP1 menyebabkan plaintif tidak berpuashati dan meminta mahkamah ini campur tangan dan mengenepikan pelantikan defendan ke-2 dan ke-3.

[29] Berdasarkan keterangan kedua-dua pihak, tidak dinafikan kehadiran wakil plaintif iaitu SP1 juga telah direkodkan dalam D13 yang terkandung dalam tujuh helaian borang bertulis tangan yang mengandungi butiran nama pengarah/penyumbang, jabatan/institusi yang diwakili masing-masing dan tandatangan. Apabila diteliti D13, memang ternyata bahawa masing-masing individu yang hadir telah menulis sendiri butiran kehadiran tersebut dan menandatanganinya. Pada pendapat saya, dengan kehadiran ini plaintif telah mendapat peluang dan hak untuk mengemukakan apa-apa usul atau bantahan.

[30] Semasa mesyuarat am, SP1 sekali lagi tidak berpuashati dengan pengendalian mesyuarat yang dikendalikan oleh SD2. SP1 mendakwa SD2 tidak memberi peluang kepada beliau untuk bersuara atau menyatakan bantahan terhadap cadangan pelantikan pelikuidasi baru iaitu defendan ke-2 dan ke-3. SP1 juga mendakwa minit dipalsukan kerana minit meyatakan pelantikan defendan ke-2 dan ke-3 disokong sebulat suara sedangkan beliau dan wakil Meseba tidak menyokong. Akhir sekali SP1 mengemukakan salinan affidavit menyokong permohonan secara *ex parte* yang difailkan oleh defendan pertama yang dikirarkan oleh SD2 yang menyatakan undian sebulat suara pemiutang yang hadir mesyuarat sedangkan itu adalah tidak benar kerana plaintif dan Meseba tidak mengangkat tangan mengundi menyokong.

[31] SP1 mendakwa dalam keterangannya bahawa beliau bersama wakil Maseba iaitu Miss Chan telah membantah terhadap resolusi yang diambil dan yang diluluskan tetapi bantahan mereka tidak dipedulikan oleh SD1. Ini adalah keterangan SP1 dalam pemeriksaan utama melalui penyata saksi yang disahkan oleh SP1:

> Q12: What is the position of the Plaintiff, pertaining to such a meeting?
>
> A12: The Plaintiff, together with a representative from Meseba Sdn Bhd (Miss Chan) voiced its objections of such a resolution, since there was no indication from the 1st Defendant of such a need for private liquidators, especially since the 1st Defendant has not replied or voiced such intention to the Plaintiff, since the Plaintiff has always sought feedback from the 1st Defendant. Thus, the Plaintiff and Meseba Sdn Bhd, amongst others, objected to such a resolution being taken and being passed. But, we were not heard and somehow, the resolution was passed.

[32] Menurut SD2, plaintif telah diwakili oleh En Steven Fu (SP1). Diteliti D13, memang terdapat nama dan institusi yang diwakilinya iaitu Kolektra Recreation Sdn Bhd (plaintif) dan juga tandatangan beliau. SD2 telah memaklumkan kepada mesyuarat bahawa agenda mesyuarat ialah untuk melantik defendan ke-2 dan ke-3 dari Delloitte Corporate Solution Sdn Bhd sebagai Pelikuidasi baru menggantikan Pegawai Penerima Malaysia (defendan pertama). Defendan pertama juga telah menerima "Consent to Act" daripada defendan ke-2 dan ke-3 yang mempunyai lesen di bawah Deloitte Coporate Solution Sdn Bhd. SD2 telah mengambil undian daripada pemiutang dan penyumbang yang hadir. Berdasarkan minit (P9) yang disediakan oleh SD2 menyatakan pihak-pihak yang hadir dengan sebulat suara bersetuju melantik defendan ke-2 dan ke-3 sebagai pelikuidasi menggantikan defendan pertama. Dalam jawapan kepada pemeriksaan balas, SD2 menyatakan wakil plaintif iaitu SP1 (En Steven Fu) semasa mesyuarat, duduk di sebelah kiri beliau. Berdasarkan keterangan SD2, SP1 tidak bercakap atau bersuara membantah atau mengangkat tangan menyokong pelantikan yang dicadangkan tersebut. Sekiranya ada apa-apa bantahan yang SP1 suarakan sudah tentu akan didengar dengan jelas oleh beliau. SD2 memberi keterangan bahawa undian yang beliau jalankan adalah secara mengangkat tangan. Berdasarkan apa yang berlaku dalam mesyuarat tersebut SD2 berpendapat keputusan adalah sebulat suara untuk melantik defendan ke-2 dan ke-3.

[33] Manakala SP1 pula menyatakan bahawa beliau dan wakil Maseba telah membantah. Walaubagaimanapun SP1 tidak memanggil wakil Maseba atau peguamnya En Adrian yang turut hadir berdasarkan senarai kehadiran D13 untuk menyokong keterangannya. Nampaknya berdasarkan keterangan kedua-dua pihak ini, kesimpulan yang boleh dibuat adalah SP1 tidak mengundi untuk menyokong pelantikan defendan ke-2 dan ke-3 dari Tetuan Delloitte Corporate Solution Sdn Bhd atau beliau telah berkecuali. Perkataan yang digunakan oleh SD2 sebagai sebulat suara adalah tidak tepat dalam kes ini kerana terdapat pemiutang yang tidak menyokong. Walaubagaimanapun, keadaan ini tidak menjadikan keputusan mesyuarat tersebut tidak sah kerana keputusan majoriti sahaja diperlukan bukan sebulat suara. Ini adalah berdasarkan peruntukan k. 119 P.U.A 289/1972 yang seperti berikut:

> 119. Ordinary resolution of creditors and contributories.
>
> At a meeting of creditors or contributories a resolution shall be deemed to be passed when a majority in number and value of the creditors or, as the case may be, contributories present, personally or by proxy, and voting on the resolution, have voted in favour of the resolution, the value of the contributories being determined according to the number of votes conferred on each contributory by the regulations of the company.

[34] Berdasarkan dapatan mahkamah ini mengenai penyampaian notis dan plaintif juga telah hadir dalam mesyuarat am serta merujuk kepada peruntukan undang-undang di atas, saya memutuskan bahawa prosiding dan mesyuarat adalah sah walaupun notis yang dihantar oleh defendan pertama tidak diterima oleh plaintif dan plaintif tidak menyokong cadangan pelantikan defendan ke-2 dan ke-3 sebagai pelikuidasi menggantikan defendan pertama.

Isu (ii)

Sama ada perintah mahkamah bertarikh 13 Mei 2008 tidak sah kerana maklumat yang diikrarkan oleh defendan pertama tidak telus dan tidak benar.

[35] Berdasarkan keputusan mesyuarat am tersebut defendan pertama telah memfailkan permohonan (P5) kepada Mahkamah Tinggi di bawah s. 227(2) Akta 125 memohon supaya defendan-defendan ke-2 dan ke-3 dilantik sebagai Pelikuidasi Syarikat tanpa satu Jawatankuasa Pemeriksa bagi menggantikan defendan pertama. Permohonan tersebut telah disokong oleh afidavit yang diikrarkan oleh SD2.

[36] Plaintif dalam usahanya untuk menunjukkan kepada mahkamah bahawa afidavit yang diikrarkan oleh SD2 dalam permohonan untuk melantik defendan ke-2 dan ke-3 sebagai pelikuidasi telah membentangkan fakta yang tidak telus dan tidak benar telah menarik perhatian mahkamah ini kepada perenggan 5 dan 7 afidavit tersebut seperti berikut:

> 5. Mesyuarat Am tersebut dihadiri sama ada secara Kediri atau melalui proksi oleh empat puluh dua (42) pemiutang yang mana bukti hutang terhadap syarikat di atas telah diperakukan bagi tujuan pengundian, nilai keseluruhan RM27,737,946.92 dan penyumbang yang memegang keseluruhan saham di dalam syarikat dan masing-masing layak kepada jumlah undi seperti dinyatakan menurut peraturan syarikat.
>
> 6. Persoalan yang telah dibuktikan di mesyuarat Am adalah sama ada pemiutang dan penyumbang berkehendakkan supaya:
>
> 6.1 Permohonan dibuat kepada Mahkamah untuk melantik seorang pelikuidasi menggantikan Pegawai Penerima,
>
> Dan
>
> 6.2 Satu Jawatankuasa pemeriksaan dilantik untuk bertindak bersama Pelikuidasi.
>
> 7. Mesyuarat tersebut dengan sebulat suara berpendapat bahawa dilantik Encik Mak Kum Choon (No. K/P: 540331-07-5419) dan Ng Meng Kwai (No. K/P: 520718-02-5485) dari Tetuan Deloitte

Corporate Solutions Sdn Bhd (246101-X), Level 19, Uptown 1, 1 Jalan SS 21/58, Damansara Uptown, 47400 Petaling Jaya, Selangor sebagai Pelikuidasi syarikat tersebut di atas tanpa satu Jawatankuasa Pemeriksaan. Bersama-sama ini sesalinan Sijil 'Consent To Act' Pelikuidasi disertakan dan ditanda sebagai Eksibit NS-2.

[37] Plaintif membangkitkan perbezaan mengenai jumlah kehadiran yang terkandung dalam minit (P9) di mana 36 orang hadir, senarai kehadiran yang bertulis tangan (D13) 39 orang hadir dan di dalam afidavit (P5), 42 orang hadir. Perbezaan ini dijelaskan oleh SD2 bahawa dalam minit mesyuarat dinyatakan 36 orang kerana berdasarkan kehadiran secara fizikal tetapi sebenarnya ada yang hadir bagi pihak sendiri dan sebagai proksi, di mana seorang mempunyai lebih daripada satu undi kerana undian bagi pihak proksi. Manakala dalam senarai D13 tidak semua yang hadir layak mengundi kerana terdapat peguam dan ada pemiutang yang hadir dengan dua wakil. Jumlah 42 orang dalam affidavit adalah termasuk yang mengundi bagi pihak proksi yang menjadikan jumlah kehadiran dikira sebagai 42 orang walaupun sebenarnya hadir dan layak mengundi ialah 36 orang sahaja termasuk mengundi sebagai proksi. Walaubagaimanapun SD2 tidak ingat yang mana satu yang hadir sendiri dan menjadi proksi. Penjelasan ini boleh diterima kerana adalah munasabah SD1 tidak mengingati butiran terperinci memandangkan bukan sahaja beliau mengendalikan fail ini tetapi ratusan fail lain terutamanya di cawangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Begitu juga dengan isu sama ada sebulat suara atau keputusan majoriti yang hadir mesyuarat tidak memberi kesan bahawa mahkamah akan memberi keputusan yang berbeza. Oleh itu berdasarkan fakta kes ini saya berpendapat tidak ada dokumen palsu digunakan oleh defendan pertama dan dengan itu keputusan mahkamah dalam membenarkan pelantikan defendan ke-2 dan ke-3 sebagai pelikuidasi syarikat menggantikan defendan pertama adalah teratur. Berdasarkan itu mahkamah ini tidak terdorong untuk membatalkan perintah tersebut berdasarkan fakta kes ini.

Isu (iii)

Sama ada wajar untuk keadilan dalam kes ini mahkamah patut campur tangan dengan membatalkan pelantikan defendan ke-2 dan ke-3.

[38] Berdasarkan rekod mahkamah dan fakta yang tidak dipertikaikan Plaintif telah membuat dua cubaan untuk mendapatkan perintah injunksi untuk menghalang defendan ke-2 dan ke-3 dari meneruskan dengan proses likuidasi tersebut dan kedua-dua percubaan tersebut telah gagal apabila permohonan plaintif telah ditolak dengan kos.

[39] Berdasarkan keterangan SD1 (defendan ke-3) bahawa dari tarikh defendan ke-2 dan ke-3 dilantik, tapak projek pembangunan yang terbengkalai (Fasa 3) telah disiapkan melalui suntikan dana daripada

pembeli-pembeli. Projek tersebut kini telahpun siap dan sijil kelayakan menduduki telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan berdasarkan D12 dan D14. Menurut SD1 juga 36 unit kedai telah siap pada 24 Disember 2010. Defendan Ke-2 dan Ke-3 sedang menyempurnakan proses penggulungan dan kini hanya menunggu urusan pindah milik unit-unit komersial Fasa 3 kepada pembeli-pembeli. Berkenaan Fasa 1 pula pemilik-pemilik kini menunggu suntikan dana oleh pembeli-pembeli terbabit untuk membiayai kos permohonan pengeluaran hak milik strata. SD1 menyatakan apabila proses pindah milik kepada pembeli selesai, defendan ke-2 dan ke-3 akan memohon supaya mereka dilepaskan sebagai pelikuidasi memandangkan dengan penyempurnaan tugas tersebut proses likuidasi telah siap dilaksanakan.

[40] Saya berpendapat berdasarkan keterangan, plaintif tidak berpuas hati disebabkan tidak berjaya mengutip jumlah hutang tertunggak daripada syarikat. Ini tidak dapat dielakkan kerana syarikat tidak solven dan terdapat pemiutang bercagar iaitu Insas yang mempunyai hutang prioriti berbanding dengan plaintif dan juga pemiutang-pemiutang lain yang tidak bercagar. Berdasarkan keterangan SD1 semua aset syarikat adalah dicagar kepada Insas dan jumlah terhutang oleh syarikat kepada Insas ialah RM5.3 juta dan syarikat tidak mempunyai aset untuk membayar pemiutang tidak bercagar.

[41] Berdasarkan keterangan SD1, Pelikuidasi juga telah memasuki perjanjian dengan kontraktor dan pembeli-pembeli unit untuk menyiapkan projek pembangunan tersebut khususnya memulihkan Fasa 3. Keterangan ini tidak dipatahkan oleh SP1. SD1 seterusnya memberi keterangan bahawa beliau dan defendan ke-2 sebagai Pelikuidasi bersama, berkewajipan untuk memastikan terma-terma perjanjian dipatuhi oleh pihak-pihak supaya pembinaan pangsapuri dan lot-lot kedai siap sebagaimana syarat dalam perjanjian tersebut. SD1 juga mengesahkan sejak beliau dilantik menjadi Pelikuidasi bersama, tidak pernah ada permintaan atau cadangan daripada plaintif untuk melantik pelikuidasi yang baru. SD1 juga tidak pernah menerima apa-apa aduan daripada pemiutang-pemiutang yang meminta pelantikan defendan ke-2 dan ke-3 sebagai Pelikuidasi bersama dibatalkan.

[42] Berdasarkan keterangan ini, saya berpendapat perintah-perintah yang dipohon oleh plaintif tidak membawa manfaat terhadap proses likuidasi tersebut tetapi sebaliknya akan menghampakan dan menjadi penghalang kepada proses likuidasi tersebut. Saya juga berpendapat berdasarkan itu, bagi kes ini mahkamah tidak wajar campurtangan dengan melantik jawatan kuasa pemeriksa atau melantik pelikuidasi yang lain kerana plaintif telah gagal membawa sebarang keterangan bahawa defendan ke-2 dan ke-3 telah menyalah gunakan kuasa dalam mentadbir syarikat serta mempunyai niat jahat untuk menggagalkan tuntutan plaintif.

A

Kesimpulan

[43] Berdasarkan keterangan-keterangan di atas plaintif telah gagal membuktikan satu kes *prima facie* terhadap defendan pertama bahawa defendan pertama bertindak secara *mala fide* dalam menguruskan pentadbiran syarikat terutamanya berkaitan dengan pelantikan defendan ke-2 dan defendan ke-3 yang memerlukan campur tangan mahkamah. Plaintif juga gagal untuk menjustifikasikan campur tangan mahkamah untuk mengenepikan pelantikan defendan ke-2 dan defendan ke-3 dengan gagal membuktikan bahawa dalam melantik defendan ke-2 dan ke-3 defendan pertama telah berniat jahat dengan bersubahat untuk memanipulasikan pelantikan defendan ke-2 dan ke-3 dengan pemiutang-pemiutang yang lain. Dakwaan plaintif dalam penyata tuntutan melalui keterangan SP1 tidak dibuktikan dan tuduhan-tuduhan terhadap ketiga-tiga defendan telah dijawab (rebutted) oleh defendan-defendan melalui keterangan lisan dan dokumentari.

B

C

D

[44] Atas imbangan keadilan di antara plaintif dan pemiutang-pemiutang yang lain, pelantikan defendan ke-2 dan defendan ke-3 tidak wajar dibatalkan. Sekiranya mahkamah ini membatalkan pelantikan defendan ke-2 dan ke-3 dan Pelikudasi baru dilantik, Pelikudasi baru terpaksa memulakan proses likuidasi dari peringkat awal atau menyambung tugas defendan ke-2 dan defendan ke-3. Pelantikan Pelikuidasi baru hanya untuk memenuhi kehendak atau memuaskan hati plaintif yang tidak berpuashati dengan tindakan atau langkah-langkah yang diambil oleh defendan pertama bukanlah tindakan yang membawa keadilan dalam kes ini. Mahkamah juga perlu menimbangkan kepentingan pemiutang-pemiutang lain dan juga pembeli-pembeli dalam projek pembangunan tersebut bukan sahaja plaintif walaupun mahkamah memahami kekecewaan plaintif yang tidak mendapat kembali wang pelaburan dalam Syarikat. Plaintif juga telah gagal membuktikan bahawa dengan pelantikan defendan ke-2 dan defendan ke-3 mereka telah menanggung kerugian akibat daripada salah tadbir defendan ke-2 dan ke-3 sebagai Pelikuidasi. Oleh itu mahkamah ini berpendapat dengan mengenepikan atau membatalkan pelantikan defendan ke-2 dan ke-3 tidak membawa apa-apa kebaikan kepada pemiutang-pemiutang termasuk plaintif.

E

F

G

[45] Berdasarkan alasan yang dibincangkan di atas, mahkamah ini berpendapat atas imbangan keberangkalian plaintif telah gagal membuktikan tuntutannya dan mahkamah menolak permohonan plaintif diperenggan 41(e)-(k) dengan kos.

H

I

Kos

[46] Pihak-pihak telah diminta untuk berhujah mengenai kos. Defendan Pertama telah mencadangkan kos sebanyak RM5,000. Mahkamah ini mengambil kira keadaan kes ini di mana plaintif tidak berpuas hati dan kecewa kerana kelengahan defendan pertama mengambil tindakan atau lambat memberi respon sehingga menimbulkan syak dan tohmahan bahawa defendan pertama bertindak secara tidak wajar dan memprejudiskan plaintif. Tuntutan ini mungkin tidak difailkan sekiranya defendan pertama lebih efisyen dan transparen dalam melaksanakan tanggungjawab statutori mereka. Manakala defendan-defendan ke-2 dan ke-3 tidak mempunyai apa-apa kepentingan tetapi menjalankan tanggungjawab sebagai Pelikuidasi yang dilantik dengan sah berdasarkan perintah mahkamah. Berdasarkan itu defendan-defendan hanya layak dipertimbangkan dengan dibenarkan kos yang nominal sahaja. Oleh itu mahkamah ini membenarkan kos sebanyak RM5,000 kepada setiap defendan.